



Anwar bertukar buku dengan Minh Chinh ketika melawat Book Street di Dinh Le Street, Hanoi, semalam.

(Foto BERNAMA)

Anwar sifatkan Vietnam rakan akrab sejak 5 dekad

KL, Hanoi mahu tingkat hubungan istimewa ke tahap lebih tinggi

Hanoi: Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan Vietnam sebagai rakan Malaysia yang paling akrab sejak terjalinnya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara lima dekad lalu.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara menjalinkan hubungan dua hala yang amat baik dan Malaysia bersedia meningkatkan kerjasama serta hubungan istimewa sedia ada ke tahap lebih tinggi.

Anwar turut menzahirkan kekaguman terhadap perjuangan Vietnam dan rakyatnya untuk pulih daripada kesusahan serta kesukaran yang dialami ketika pertempuran menentang penjajah.

“Berebalkan kecekalan dan ketabahan pada peringkat kepemimpinan serta rakyat, anda berjaya mengecapi kejayaan besar dalam tempoh beberapa dekad sahaja yang sekali gus menjadikan Vietnam sebuah negara penting di ASEAN dan kini dikenali sebagai antara negara membangun paling berpotensi di dunia,” katanya.

Perdana Menteri berkata de-

mikian ketika berucap pada majlis makan malam rasmi yang dihoskan oleh rakan sejawatnya Pham Minh Chinh di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Menteri Luar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin.

Kukuh kerjasama dua hala

Terdahulu ketika melakukan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong, Anwar menzahirkan rasa gembira dengan kerjasama dua hala sedia ada dan berkata, usaha akan dilakukan untuk mengukuhkan lagi hubungan itu.

“Saya juga dimaklumkan Tuan Yang Terutama Nguyen Phu Trong sering berbicara soal antirasuah dan tatakelola yang baik di Vietnam.

“Kami dapat bertukar pandangan terkait perkara ini serta keperluan untuk agensi antirasuah kedua-dua negara bekerjasama dan mengadakan perkongsian bersama,” katanya.

Semalam, Perdana Menteri meluangkan masa melawat Book Street di Jalan 19/12 di sini, iaitu pusat jualan buku paling popular di Hanoi.

Kunjungan Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, diiringi Minh Chinh,

dan mereka meluangkan masa hampir sejam di situ.

Ketika lawatan itu, Anwar turut bertukar-tukar buku dengan Perdana Menteri Vietnam itu.

Anwar menghadiahkan buku bertajuk *SCRIPT: For A Better Malaysia* dan *Malaysia: Blooms, Foliage and Fruits*, manakala Chinh menghadiahkan buku bertajuk *Lang du throng Van hod VietNam (Wandering through Vietnamese Culture)* karya Huu Ngoc Anh.

Selepas memasuki beberapa kedai buku Anwar, Dr Wan Azizah dan Minh Chinh, sempat menikmati hidangan ringan di ruang legar Book Street itu.

Book Street Jalan 19/12 sepanjang 200 meter, dibuka pada 2017 dan pada masa ini ada 16 kedai buku di situ.

Buku tulisan pengarang terkenal dan penerbit buku terkenal dunia, mudah didapati di sini. Selain kedai buku, kawasan yang dihias dengan baik serta diliputi dengan tumbuhan hijau itu, turut menyediakan ruang kafe untuk pengunjung.

Sejurus selesai kunjungan ke Book Street itu, Anwar terus ke Masjid Al Noor, satu-satunya masjid yang terdapat di Bandar Raya Hanoi untuk menunaikan solat Jumaat, kemudiannya berkesempatan untuk beramah mesra dengan imam serta komuniti Islam Hanoi.

Anwar turut menyerahkan sumbangan kepada jawatankuasa masjid untuk aktiviti masyarakat Islam di situ. BERNAMA